
**MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
BAHAGIAN PEMETAAN TOPOGRAFI SARAWAK
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

(NOMBOR PENDAFTARAN: 3648 013)

AHLI – AHLI
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
BAHAGIAN PEMETAAN TOPOGRAFI SARAWAK
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA
(Kemaskini pada Januari 2023)

Pihak Pegawai (Pengurusan):

1. Sr Sylvester Luta Buli - Pengerusi
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan
Topografi Sarawak
2. Sr Nik Mohd Wafi Bin Nik Mohamed Daud - Ahli
Timbalan Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan
Topografi Sarawak
3. Sr Azrina binti Reli - Ahli
Pengarah Ukur Seksyen
(Pengurusan Maklumat Geospasial)
4. Sr Abdul Halim Bin Marabi - Ahli
Pengarah Ukur Seksyen
(Pangkalan Data Topografi)
5. Encik Shaiful Azmi Bin Adnan - Ahli
Pengarah Ukur Seksyen (Penawanan Data)
6. Sr Dexter Peter - Ahli
Penolong Pengarah Ukur (Wilayah Miri)
7. Sr Tang Kieh Meng - Ahli
Penolong Pengarah Ukur (Wilayah Sibul)
8. Sr Khairil Anwar Bin Sabri - Ahli
Penolong Pengarah Ukur (Wilayah Kuching)

9. Sr Wong King Chuan - Ahli
Penolong Pengarah Ukur
(Seksyen Pangkalan Data Topografi)

10. Encik Amiruddin Bin Khairuddin - Ahli
Penolong Pengarah Ukur
(Seksyen Penawanan Data)

11. Kosong - Ahli
Penolong Pengarah Ukur
(Seksyen Pengurusan Maklumat Geospatial)

12. Puan Sharini Binti Sepuan - Setiausaha
Penolong Pegawai Tadbir
(Cawangan Pentadbiran & Kewangan)

Pihak Pekerja:

1. Encik Juni bin Rabi - Naib Pengerusi
Penolong Juruukur JA36
(Seksyen Pangkalan Data Topografi)

2. Puan Corina anak Umpie
Penolong Juruukur JA29
(Seksyen Pangkalan Data Topografi) - Setiausaha Bersama
3. Puan Bertha anak Ragai
Setiausaha Pejabat N29 - Ahli
4. Encik Teo Tze Hion
Penolong Juruukur JA29
(Seksyen Pengurusan Maklumat Geospacial) - Ahli
5. Encik Mohamad Nazib bin Laleh
Penolong Juruukur JA29 (Wilayah Miri) - Ahli
6. Encik Jeffry Akat anak Srek
Penolong Juruukur JA29 (Wilayah Miri) - Ahli
7. Encik Abang Hashim bin Abang Tek
Penolong Juruukur JA29 (Wilayah Kuching) - Ahli
8. Encik Kasizan bin Boniman
Pemandu Kenderaan H11 (Wilayah Kuching) - Ahli
9. Puan Catherine Banun Anak Ingku
Penolong Juruukur JA29 (Wilayah Sibul) - Ahli
10. Encik Hamdan bin Tahir
Pemandu Kenderaan H11(Wilayah Sibul) - Ahli

Dikemaskinikan oleh:

Setiausaha dan Setiausaha Bersama MBJ
Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak

Tarikh: 27 Januari 2023

**PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMETAAN TOPOGRAFI SARAWAK
NO. MBJ : 3648013**

1. KEAHLIAN

1.1 Majlis Bersama Jabatan bagi **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak** (selepas ini disebut sebagai “**Majlis**”) hendaklah mengandungi dua puluh dua (22) orang termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha-Setiausaha yang terdiri daripada **dua belas (12) orang** yang dilantik oleh Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan dan Topografi Sarawak (selepas ini disebut sebagai “**Pihak Pegawai**”) dan **sepuluh (10) orang** ahli yang dipilih oleh Kesatuan Sekerja dan Persatuan-Persatuan Kakitangan yang mewakili pekerja-pekerja di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak atau pekerja-pekerja itu sendiri (selepas ini disebut sebagai “**Pihak Pekerja**”). Jawatan Pengerusi dan Setiausaha adalah disandang secara automatik oleh Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak dan Penolong Pegawai Tadbir Kanan manakala jawatan Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama adalah di kalangan pihak pekerja yang dilantik oleh pihak pekerja sendiri.

2. PIHAK PEGAWAI

2.1 Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat di **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak** seperti berikut :

- | | | |
|--|---|-----------|
| (i) Pengarah Ukur Bahagian Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak | - | Pengerusi |
| (ii) Timbalan Pengarah Ukur Bahagian Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak | - | Ahli |

(iii) Pengarah Ukur Seksyen Pengurusan Maklumat Geospasial	-	Ahli
(iv) Pengarah Ukur Seksyen Pangkalan Data Topografi	-	Ahli
(v) Pengarah Ukur Seksyen Penawanan Data	-	Ahli
(vi) Penolong Pengarah Ukur Pejabat Wilayah Topografi Miri	-	Ahli
(vii) Penolong Pengarah Ukur Pejabat Wilayah Topografi Sibul	-	Ahli
(viii) Penolong Pengarah Ukur Pejabat Topografi Wilayah Kuching	-	Ahli
(ix) Penolong Pengarah Ukur Seksyen Penawanan Data	-	Ahli
(x) Penolong Pengarah Ukur Seksyen Pengurusan Maklumat Geospasial	-	Ahli
(xi) Penolong Pengarah Ukur Seksyen Pangkalan Data Topografi	-	Ahli
(xii) Penolong Pegawai Tadbir Kanan Cawangan Pentadbiran & Kewangan	-	Setiausaha

2.2 Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai ini hendaklah dilantik atas nama jawatan masing-masing dan tiada had tempoh memegang jawatan di dalam Majlis.

3. **PIHAK PEKERJA**

- 3.1 Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja terdiri daripada pekerja-pekerja di dalam **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak** dan dilantik oleh Kesatuan – Kesatuan Sekerja yang mewakili pekerja-pekerja Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak atau pekerja-pekerja yang berkhidmat di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak. Peraturan bagi pemilihan ahli-ahli pihak pekerja hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang disediakan oleh satu Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Pekerja-Pekerja di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak dan pelantikan mereka hendaklah diluluskan oleh Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak.
- 3.2 Kekosongan yang berlaku di dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi oleh calon-calon daripada Kesatuan/Persatuan yang melantik wakil yang mengosongkan jawatan itu atau pekerja-pekerja itu sendiri.

- 3.3 Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah memegang Jawatan selama tempoh dua (2) tahun mulai daripada tarikh perantukan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik / dipilih.

4. **PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS**

- 4.1 Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi hendaklah terdiri daripada dan dipilih oleh Pihak Pekerja. Tiap-tiap pihak dalam Majlis hendaklah melantik seorang daripadanya untuk memenuhi jawatan Setiausaha Bersama.

5. **TUJUAN**

- 5.1 Tujuan Majlis adalah :
- a. Untuk memperolehi seluas-luas kerjasama yang menyeluruh di antara **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak** dan pegawai-pegawai yang bergaji di dalam **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak** dalam perkara- perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja yang berkenaan;
 - b. Untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja; dan
 - c. untuk mengumpulkan berbagai buah fikiran daripada pekerja-pekerja dengan wakil-wakil rasmi **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak**.

6. BIDANG DAN FUNGSI

- 6.1 Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis yang mana adalah seperti berikut :-
- a. Membincang dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat- syarat bekerja yang ada berkaitan dengan pentadbiran yang berkenaan **kecuali** semua perkara mengenai dasar kerajaan dan hal-hal peribadi;
 - b. Membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat di bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan;
 - c. Menggalakkan kakitangan menerusi pengambilan bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih lagi mengenai pentadbiran berbagai Jabatan; dan
 - d. Mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak** serta peruntukan bagi menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengenai perkara ini.

7. MESYUARAT-MESYUARAT

- 7.1 Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan sekurang- kurangnya tiga **(3) kali setahun, iaitu sekali dalam empat (4) bulan.**
- 7.2 Kuorum bagi mesyuarat Majlis hendaklah sekurang-kurangnya terdiri daripada 50% iaitu **enam (6) orang** ahli Pihak Pegawai dan 50% iaitu **lima (5) orang** ahli Pihak Pekerja.

- 7.3 Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha-setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada **tujuh (7) hari** sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi.
- 7.4 Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan Permintaan Pengerusi atau Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh Pegawai-pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah terhad kepada perkara- perkara yang dinyatakan dalam notis memanggil mesyuarat tersebut.
- 7.5 Sekiranya Pengerusi tidak dapat menguruskan mana-mana mesyuarat Majlis, maka **ahli Pihak Pegawai terkanan** boleh menguruskan mesyuarat Majlis dengan kebenaran daripada Pengerusi. Dalam apa keadaan sekalipun, Naib Pengerusi iaitu Pengerusi Pihak Pekerja **tidak boleh menguruskan** mana-mana mesyuarat Majlis.
- 7.6 Minit Mesyuarat MBJ hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Pihak Pegawai dan Setiausaha Pihak Pekerja.

8. KEPUTUSAN

- 8.1 Segala keputusan-keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan bersama di antara kedua-dua belah pihak.
- 8.2 Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan Jabatan-jabatan lain dan tidak pula bertelingkah dengan dasar Kerajaan bolehlah diselenggarakan atau dilaksanakan terus oleh **Kementerian/Jabatan/Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan atau Pejabat Cawangan di mana berkenaan**. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan ataupun dengan Jabatan-jabatan lain ianya hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan.

9. PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

- 9.1 Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana satu mesyuarat Majlis. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedarkan kepada ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya **sebulan** sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk diluluskan.